

## **SURAT EDARAN JPA.SARAAN(S)43/35 Jld.6(13)**

---

### **CUTI TANPA REKOD SEMPENA PESTA KAAMATAN DAN HARI GAWAI**

---

(Telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kali Ke-57 Bil. 3/2017 pada 25 Mei 2017)

#### **1.0 TUJUAN**

- 1.1 Surat Edaran ini diadakan bertujuan untuk memaklumkan berkaitan Cuti Tanpa Rekod Sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri pada 16 Mei 2017, Kerajaan telah bersetuju memberi Cuti Tanpa Rekod Sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai kepada pegawai kelahiran Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak yang berkhidmat di Semenanjung.

### 3.0 KELAYAKAN

- 3.1 Pegawai kelahiran Sabah atau Wilayah Persekutuan Labuan yang berkhidmat di Semenanjung Malaysia, dibenarkan mengambil **satu (1) hari** Cuti Tanpa Rekod untuk menyambut Pesta Kaamatan pada **30 Mei atau 31 Mei** setiap tahun.
- 3.2 Manakala bagi pegawai kelahiran Sarawak yang berkhidmat di Semenanjung Malaysia, dibenarkan mengambil **satu (1) hari** Cuti Tanpa Rekod untuk menyambut Hari Gawai pada **1 Jun atau 2 Jun** setiap tahun.
- 3.3 Pegawai **bukan kelahiran** Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan atau Sarawak tetapi **ibu atau bapa lahir atau menetap di Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan atau Sarawak** tidak layak mendapat kemudahan CTR Sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai.
- 3.4 Pegawai (berkhidmat di Semenanjung Malaysia) kelahiran Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan atau Sarawak **tetapi** ibu atau bapa tidak lahir atau menetap di Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan atau Sarawak, **layak** mendapat kemudahan CTR Sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai.
- 3.5 Sekiranya Pesta Kaamatan dan Hari Gawai jatuh pada hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am di Semenanjung Malaysia, cuti tersebut tidak boleh dibawa kepada hari berikutnya. Ini adalah kerana, kemudahan ini merupakan suatu CTR yang diberi sekiranya Pesta Kaamatan dan Hari Gawai jatuh pada hari bekerja di Semenanjung Malaysia. Pesta Kaamatan dan Hari Gawai bukan merupakan hari kelepasan am di Semenanjung Malaysia.

## 4.0 PELAKSANAAN

4.1 Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai hendaklah dilaksanakan seperti berikut:

- (a) Pegawai boleh menggunakan kemudahan Cuti Tanpa Rekod ini dengan mengemukakan dokumen sijil kelahiran pegawai yang telah **disahkan benar** kepada Ketua Jabatan bagi permohonan **kali pertama**.
- (b) Dokumen sokongan tersebut perlu dilampirkan bersama dengan Borang Permohonan Cuti Tanpa Rekod.
- (c) Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Jabatan untuk perakuan sebelum kelulusan Pendaftar.
- (d) Carta alir proses permohonan Cuti Tanpa Rekod Sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

## 5.0 TARIKH KUATKUASA

5.1 Surat Edaran ini berkuatkuasa serta merta mulai tahun 2017.

## **6.0 PEMAKAIAN**

6.1 Surat Edaran ini dipanjangkan pemakaiannya kepada semua lantikan staf UniMAP.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

'Tunjang Mengukuh Di Bumi, Pucuk Menjulung Tinggi'




**(ZUBER BIN HAJI MOHAMAD)**

Pendaftar

**Jabatan Pendaftar  
Universiti Malaysia Perlis  
29 Mei 2017**

**CARTA ALIR BAGI PERMOHONAN CUTI TANPA REKOD SEMPENA PESTA  
KAAMATAN DAN HARI GAWAI**



## FAQ SURAT EDARAN CUTI TANPA REKOD SEMPENA PESTA KAAMATAN DAN HARI GAWAI

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Siapakah yang layak diberikan Cuti Tanpa Rekod (CTR) Sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai?	Semua pegawai Perkhidmatan Awam yang <b>lahir</b> di Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan atau Sarawak.
2.	Adakah pegawai yang menerima Bayaran Insentif Wilayah sahaja yang layak mendapat kemudahan CTR Sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai ini?	Kemudahan ini diperuntukkan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang lahir di Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan atau Sarawak. Kemudahan CTR ini <b>tidak ada kaitan dengan penerimaan Bayaran Insentif Wilayah atau tidak.</b>
3.	Apakah dokumen yang diperlukan untuk mengesahkan pegawai lahir di Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan atau Sarawak bagi tujuan kemudahan ini?	Sijil Kelahiran pegawai.
4.	Sekiranya pegawai diarahkan untuk bertugas pada hari Pesta Kaamatan atau Hari Gawai, adakah pegawai boleh memohon cuti gantian?	<p>Sekiranya pegawai diarahkan untuk bertugas pada hari Pesta Kaamatan atau Hari Gawai, pegawai <b>tidak boleh</b> diberikan cuti gantian. Ini adalah kerana, kemudahan ini merupakan pemberian CTR dan hari berkaitan <b>bukan merupakan hari kelepasan am di Semenanjung Malaysia.</b> Walau bagaimanapun, Ketua Jabatan hendaklah bertimbang rasa dan boleh mempertimbangkan salah satu hari iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. 30 atau 31 Mei bagi pegawai kelahiran Sabah atau Wilayah Persekutuan Labuan; dan</li> <li>ii. 1 atau 2 Jun bagi pegawai kelahiran Sarawak.</li> </ul>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
5.	Adakah pegawai lantikan <i>Contract of Service</i> layak mendapat kemudahan CTR Sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai?	Pegawai lantikan <b><i>Contract of Service</i></b> yang berkhidmat di Semenanjung Malaysia <b>layak</b> diberikan CTR Sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai.
6.	<p>(i) Adakah pegawai (berkhidmat di Semenanjung Malaysia) <b>bukan kelahiran</b> Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan atau Sarawak tetapi ibu atau bapa lahir atau menetap di Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan atau Sarawak layak mendapat kemudahan CTR Sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai?</p> <p>(ii) Adakah pegawai (berkhidmat di Semenanjung Malaysia) <b>kelahiran</b> Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan atau Sarawak tetapi ibu atau bapa tidak lahir atau menetap di Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan atau Sarawak, layak mendapat kemudahan CTR Sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai?</p>	<p>(i) Pegawai <b>bukan</b> kelahiran Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan atau Sarawak tetapi ibu atau bapa lahir atau menetap di Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan atau Sarawak <b>tidak layak</b> mendapat kemudahan CTR Sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai.</p> <p>(ii) Pegawai <b>layak</b> kerana lahir di Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan atau Sarawak.</p>
7.	Sekiranya Pesta Kaamatan dan Hari Gawai jatuh pada hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am di Semenanjung Malaysia, adakah cuti tersebut boleh dibawa kepada hari berikutnya?	<p>Sekiranya Pesta Kaamatan dan Hari Gawai jatuh pada hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am di Semenanjung Malaysia, cuti tersebut <b>tidak boleh</b> dibawa kepada hari berikutnya.</p> <p>Ini adalah kerana, kemudahan ini merupakan suatu CTR yang diberi sekiranya Pesta Kaamatan dan Hari Gawai jatuh pada hari bekerja di Semenanjung Malaysia. Pesta Kaamatan dan Hari Gawai <b>bukan merupakan hari kelepasan am di Semenanjung Malaysia.</b></p>